

**TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
KEJOHANAN SUKAN ANTARA FAKULTI
2023**

**21 JANUARI 2023 | SABTU | 7 MALAM
STADIUM UiTM SHAH ALAM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Husaini bin Omar

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

Mewakili Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili bin

Shahibi

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi MARA

Yang Berusaha Dr. Shabsuzan Zakaria

Pengarah Pembangunan Pelajar

Universiti Teknologi MARA

Yang Berusaha Encik Ahmad Tarmizy Mohammed

Pengarah Pusat Sukan

Universiti Teknologi MARA

- Penolong-Penolong Naib Canselor,
- Dekan-Dekan,
- Dekan-Dekan Hal Ehwal Pelajar,
- Timbalan-Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar,
- Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,
- Ketua-Ketua Jabatan,
- Wakil-Wakil Media,
- Atlet-Atlet Sukan Antara Fakulti dan Hadirin Sekalian.

**[SALUTASI- KEMASKINI BERDASARKAN
KEHADIRAN]**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2023 pada malam ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi kerana sudi hadir bersama-sama kita pada malam ini. Secara tidak langsung, ia menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi daripada Dato' dan pihak KPT terhadap pembangunan sukan di UiTM.

2. Kita sedia maklum bahawa aktiviti sukan sudah kembali aktif Pselepas beralih fasa pandemik ke fasa endemik. Perkara asas yang perlu dilakukan adalah untuk kita semua menjalani gaya hidup sihat terutama menghidupkan kembali suasana "*Sporting Campus*" melalui penganjuran Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2023 ini.

3. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM yang berjaya menganjurkan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2023 pada kali ini setelah hampir 3 tahun tidak dapat dilaksanakan secara fizikal. Alhamdulillah.

Hadirin sekalian,

4. SAF 2023 mempertandingkan 24 jenis acara sukan dan turut melibatkan acara e-sukan yang melibatkan 17 Fakulti dan Kolej Pengajian di UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Selangor. Penyertaan bagi SAF 2023 pada kali ini melibatkan hampir 8,000 orang pelajar.

5. Pihak UiTM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar sentiasa peka dengan keperluan pelajar dalam membentuk pelajar UiTM sentiasa aktif dan cergas. Program '*Sporting Campus*' yang dijalankan oleh Pusat Sukan UiTM dalam menggalakkan penglibatan para pelajar dan warga kerja UiTM akan sentiasa dianjurkan. Pengajuran aktiviti sukan

ini telah menyumbang kepada pencapaian 80% *Happiness Index* melalui teras strategik ke arah UiTM menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun (GRU2025).

6. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato', antara pelajar UiTM yang cemerlang di persada sukan antarabangsa antaranya ialah Saudari Nur Ain Nabilah Tarmizi dari Fakulti Sains Sukan & Rekreasi. Saudara Ain merupakan atlet Boling Padang UiTM dan Negara yang telah berjaya memperolehi pingat perak di Sukan Komanwel Birmingham 2022. Selain itu, Saudara Adli Hafidz Mohd Pauzi yang telah memenangi *Professional Boxing Super Middleweight 6 Rounds* (Malaysia vs Thailand). Manakala pasukan Bola Sepak UiTM juga telah beraksi cemerlang dengan menduduki kedudukan teratas liga dalam Kejohanan Liga Bola Sepak IPT yang sedang berlangsung sekarang. Ini menunjukkan bahawa pelajar UiTM cemerlang dan terkehadapan dalam bidang sukan.

7. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM kerana telah berjaya menganjurkan SAF 2023 pada kali ini dengan sokongan dari pihak fakulti dan kolej pengajian di UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Selangor. Saya berharap semangat dan komitmen ini diteruskan dengan pelbagai lagi inisiatif yang mampu melahirkan graduan bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah bidang sukan.

8. Akhir sekali, terima kasih kepada pihak jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program pada kali ini. Kepada Yang Berbahagian Dato' Profesor Dr. Husaini Omar, terima kasih sekali lagi kerana hadir dan bersama-sama kami meraikan Majlis Perasmian Penutupan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2023 pada malam ini.

Sekian

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**